

30 MAY 2002

Ghani-Hudud

CADANGAN PAS LEBIH ZALIM DARIPADA JENAYAH - GHANI

JOHOR BAHRU, 30 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman menyifatkan Seksyen 9, Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) cadangan kerajaan Pas Terengganu lebih zalim daripada perbuatan jenayah yang dilakukan mangsa.

Katanya, ini kerana mangsa rogol akan menghadapi tekanan berlipat ganda sekiranya turut didapati bersalah mengikut seksyen itu.

"Seksyen 9 ini lebih zalim daripada perbuatan jenayah oleh mangsa," katanya sewaktu merasmikan Konvensyen Wanita Umno Johor di sini, hari ini.

Katanya, penguatkuasaan undang-undang begini membuatkan mangsa berada dalam dilema kerana terpaksa memikirkan cara terbaik membawa kes tersebut ke muka keadilan.

Kerajaan Pas Terengganu dilaporkan sedang merangka undang-undang baru itu yang membolehkan seseorang mangsa kes zina dikenakan sebatan sehingga 80 kali sekiranya gagal mendapatkan saksi yang menepati kehendak perundangan yang bakal diluluskan.

Abdul Ghani berkata bukan mudah bagi seseorang yang menjadi mangsa kes rogol dan sumbang mahram untuk melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa, lebih-lebih lagi untuk mendapatkan saksi seperti yang dikehendaki.

"Tindakan melaporkan kejadian zina dan sumbang mahram itupun sudah memerlukan kekuatan luar biasa bagi mangsa," katanya, sambil menambah mangsa terpaksa pula menanggung beban dan ketakutan sekiranya gagal membuktikan dakwaannya.

Katanya, Kanun Keseksaan memperuntukkan tanggungjawab membuktikan pertuduhan sesuatu kes rogol dan sumbang mahram terletak di bahu pihak pendakwa raya, bukannya pada mangsa.

Tindakan Pas Terengganu dalam merangka dan meluluskan rang undang-undang itu membuktikan betapa tergesa-gesanya parti pembangkang itu dalam melaksanakan segala janji-janji untuk menjalankan undang-undang hudud tanpa memikirkan akibatnya ke atas rakyat, tambahnya.

"Jelas Pas semakin kesuntukan masa untuk melaksanakan janjinya," katanya.

Abdul Ghani berkata pihak pembangkang itu sepatutnya memikirkan segenap segi sebelum bercita-cita menjalankan perundangan hudud, terutamanya dari aspek kemampuan sistem kehakiman mahkamah syariah dan keutamaan menegakkan keadilan.

"Jangan nanti sesuatu yang kita lakukan untuk keadilan menimbulkan kezaliman pula," katanya.

Beliau menggesa perwakilan yang menghadiri konvensyen yang pertama dianjurkan oleh Pergerakan Wanita Umno Johor supaya membuat ketetapan bijak mengenai cadangan Pas itu.

Abdul Ghani berkata, kerajaan Johor sudahpun menjalankan kajian terperinci mengenai cara pelaksanaan perundangan Islam itu di beberapa buah negara di Timur Tengah, termasuk Arab Saudi, Qatar dan Yemen.

"Kita sedang menyiapkan laporan lengkap mengenai cadangan Johor dalam hal ini sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri," katanya, sambil menambah laporan itu dijangka siap dua minggu lagi.

Mengulas pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin tertinggi Roman Katolik, Pope John Paul II bulan depan, Abdul Ghani berkata ia membuktikan peranan besar Malaysia selaku sebuah negara Islam dalam memangkin perpaduan di antara berbilang agama di peringkat antarabangsa.

--BERNAMA

AK MHI ZB